



مجالس فریدارن حکام

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
24000 KEMAMAN TERENGGANU DARUL IMAN
TEL : 09-8597777 , 09-8597700 FAX: 09-8595455
CAWANGAN KERTEH TEL : 09-826 1427 FAX : 09-826 1830
Bebas Tel : 1-800-88-7009
<http://mpk.terengganu.gov.my>
E-mail : mpkemaman@mpkemaman.gov.my



MPK (JL) 1200/P/2016/13 – (1)

Tarikh : 20 September 2016
: 18 Zulhijah 1437

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

BIL. SEBUTHARGA Q / JL / 13 / 2016

Tawaran sebutharga kerja adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan bertaraf Bumiputera mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) dibawah Gred G1, Kategori B/C/E Pengkhususan B09/CE14 atau Kementerian Kewangan Malaysia dibawah Kod Bidang Pendaftaran 221002 dan telah mengikuti Kursus Landskap Anjuran MPK, memahami maksud kerja, mengambil kira keadaan cuaca dan faham segala butir-butir di dalam lukisan dan penentuan dengan ini akan diterima untuk menyertai sebutharga di Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman sehingga pukul 12.00 tengahari pada 29hb. September 2016 sebagaimana berikut :-

Perkhidmatan Penyelenggaraan kawasan landskap dan kerja kerja berkaitannya didalam dan luar kawasan pejabat MPK bagi tempoh 1 + 1 tahun untuk Majlis Perbandaran Kemaman

1. Pemborong yang mempunyai Akuan Kebenaran Khas memasuki tawaran daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kapita dan sub kapita diatas juga boleh diterima membuat tawaran sebutharga ini dan hendaklah mengemukakan surat Asal tersebut semasa memasuki tawaran ini.
2. Segala butir-butir lanjut dan borang tawaran sebutharga kerja bolehlah didapati pada waktu bekerja di Jabatan Landskap, Aras bawah, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu Darul Iman. Tawaran sebutharga mestilah dibuat diatas borang yang dikhaskan. Disampul tawaran sebutharga dibahagian kiri, mestilah ditulis keterangan tawaran sebutharga seperti mana dinyatakan.
3. Tawaran sebutharga yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kerja yang dinyatakan, di Kaunter Bersepadu, Aras 1, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu. Semua tawaran sebutharga hendaklah sampai sebelum tawaran itu ditutup pada masa dan tarikh yang tersebut diatas.
4. Borang Tawaran Sebutharga mulai dijual pada 21hb. September 2016 hingga 28hb. September 2016 dengan harga RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) senaskah dan boleh diperolehi di Jabatan Landskap, Aras bawah, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu Darul Iman. Borang tawaran tidak akan dijual pada tarikh dan hari tawaran ditutup.
5. Majlis Perbandaran Kemaman adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah sekali atau mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

“ TRANSFORMASI TERENGGANU BAHRU ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSUL SYAHIRAN BIN MOHD SAMSUDDIN)

Pengarah,
Jabatan Landskap,
b.p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kemaman.